



Takaful Simpanan dan Pelaburan



i-GREAT Majestik

Lindungi Setiap Detik Hidup Terindah



Great Eastern Takaful Berhad adalah ahli PIDM.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Great Eastern Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Lindungi Setiap Detik Hidup Terindah

Dalam hidup ini, terdapat pengalaman yang anda menghargai dan matlamat yang anda ingin mencapai. Dengan **i-Great Majestik**, melindungi anda dan orang tersayang anda, serta menerima potensi pulangan hebat.

01 Persiapan persaraan awal anda

Imran, lelaki berumur 30 tahun, dengan gaji RM12,000 sebulan



Tempoh pembayaran caruman 20 tahun untuk tempoh perlindungan 30 tahun



Untuk menambah simpanan persaraannya

20 Bayar 30 Tahun (20P30)


Caruman Bulanan Asas	RM250
Caruman Bulanan i-Saver	RM250
Jumlah Caruman Bulanan	RM500

- Nota:**
- TBCP = Jumlah Caruman Asas yang Dibayar, IB = Investment Booster (Manfaat Rangsangan Pelaburan), EBB = Early Enhancer Bonus (Bonus Penambah Awal).
 - PIA = Akaun Individu Peserta, PUA = Akaun Unit Peserta, TAV = Jumlah Nilai Akaun.

Bonus Penambah Awal (EEB) sehingga **5%** daripada Caruman Asas Tahunan akan dibayar pada akhir dua tahun Sijil pertama, dan **Rangsangan Pelaburan** sehingga **30%** daripada Jumlah Caruman Asas Tahunan akan dibayar dari Akaun Individu Peserta ke dalam Akaun Unit Peserta setiap tahun sehingga matang (jika caruman telah dibayar tepat pada masanya dan terkini).

Jumlah IB = RM15,750

Apabila Sijil Imran matang pada umur 60 tahun, tambahan **400%** daripada Jumlah Caruman Asas Tahunan akan dibayar sebagai **Rangsangan Matang** ke atas Manfaat Matang Imran, jika caruman telah dibayar tepat pada masanya dan terkini.



Aspirasi Imran
Imran menggunakan Jumlah Manfaat Matangnya untuk memenuhi aspirasinya

Jumlah Pembayaran Apabila Matang


Rangsangan Matang + Manfaat Matang (termasuk EEB dan IB)

RM215,579


(menggunakan Dana i-Makmur)



Dana Persaraan Tambahan



Melangsaikan Hutang



Menunaikan Haji Bersama Isteri

Hidup

Sekiranya dia meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Penuh & Kekal (HUPK) atau Kematian, amaun yang berikut akan dibayar
(Dengan anggapan HUPK/Kematian disebabkan penyakit yang berlaku selepas tahun ke-3 Sijil):

Manfaat Takaful

- Yang lebih tinggi:
- 105% TBCP - IB, ATAU
 - Jumlah PIA

- TAMBAH:**
- TAV dalam PUA (termasuk IB dan i-Saver Rider) jika ada

HUPK/Kematian



Lindungi Setiap Detik Hidup Terindah

02 Persiapan pendidikan anak anda

Aiman, (Anak lelaki Imran) berumur 3 tahun



Tempoh pembayaran caruman 10 tahun untuk tempoh perlindungan 20 tahun




+



Untuk menambah dana pendidikan Aiman

10 Bayar 20 Tahun (10P20)	
Caruman Bulanan Asas	RM400
Caruman Bulanan i-Saver	RM400
Jumlah Caruman Bulanan	RM800



Sekiranya dia meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Penuh & Kekal (HUPK) atau Kematian, amaun yang berikut akan dibayar (Dengan anggapan HUPK/Kematian disebabkan penyakit yang berlaku selepas tahun ke-3 Sijil):

Manfaat Takaful	
Yang lebih tinggi: • 105% TBCP - IB, ATAU • Jumlah PIA	TAMBAH: • TAV dalam PUA (termasuk IB dan i-Saver Rider), jika ada

HUPK/Kematian

- Nota:
- TBCP = Jumlah Caruman Asas yang Dibayar, IB = Investment Booster (Manfaat Rangsangan Pelaburan), EBB = Early Enhancer Bonus (Bonus Penambah Awal).
 - PIA = Akaun Individu Peserta, PUA = Akaun Unit Peserta, TAV = Jumlah Nilai Akaun.

Bonus Penambah Awal (EEB) sehingga 5% daripada Caruman Asas Tahunan akan dibayar pada akhir dua tahun Sijil pertama, dan Rangsangan Pelaburan sehingga 20% daripada Jumlah Caruman Asas Tahunan akan dibayar dari Akaun Individu Peserta ke dalam Akaun Unit Peserta setiap tahun sehingga matang (jika caruman telah dibayar tepat pada masanya dan terkini).

Jumlah IB = RM13,200

Jika perlu, pengeluaran separa boleh dibuat daripada PUA pada bila-bila masa, seperti membiayai yuran pengajian dan perbelanjaan pengajian tinggi Aiman apabila Aiman mencapai umur 18 tahun.




Hidup

Jumlah Pembayaran Apabila Matang

Rangsangan Matang + Manfaat Matang (termasuk EEB dan IB)

RM141,313

(menggunakan Dana i-Makmur) ditolak dengan semua pengeluaran yang dibuat dalam Akaun Unit Peserta.



Apabila Sijil Aiman matang pada umur 23 tahun, tambahan 300% daripada Jumlah Caruman Asas Tahunan boleh dibayar sebagai Rangsangan Matang ke atas Manfaat Matang Aiman, jika caruman telah dibayar tepat pada masanya dan terkini.

Tertakluk pada terma dan syarat. Infografik di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menunjukkan atau ditafsirkan sebagai jangkaan pulangan. Rider-rider adalah pilihan untuk ditambah. Ia mengandaikan bahawa pulangan pelaburan/manfaat matang nilai tunai adalah berdasarkan pada senario tinggi 5%.

Tanya Perunding Takaful Anda



Perunding
Takaful

Apakah jenis perlindungan yang saya perlukan?

01

02

Berapakah jumlah perlindungan yang saya perlukan?

Apakah manfaat/perkhidmatan yang diberikan oleh pelan ini?

03

04

Adakah caruman saya meningkat seiring dengan umur saya?

Bolehkah saya tingkatkan pelan saya di masa hadapan?
(Tambahan rider, penambahan caruman, naik taraf pakej)

05

06

Apakah yang tidak dilindungi di dalam pelan ini?

Apakah jenis dokumen/laporan yang saya perlu ada untuk menyertai pelan ini?
(cth: laporan perubatan atau salinan Kad Pengenalan) Adakah caj yang dikenakan untuk
mendapatkan laporan tersebut dibiayai oleh saya sendiri?

07

08


Berapa lamakah perlu saya tunggu sebelum perlindungan saya bermula?

Adakah saya mampu untuk membayar caruman ini?

09

10

Apakah kaedah bayaran yang paling berkesan
supaya saya tidak lupa membayar caruman saya?




Manfaat dan Ciri-ciri

Rangsangan Pelaburan
hingga 30% Caruman
Asas Tahunan

Rangsangan Matang
hingga 400% Caruman
Asas Tahunan

Tiada
Pengunderaitan
Perubatan



Manfaat dan Ciri-ciri



Pelan Takaful dengan Elemen Simpanan

Lindungi diri anda atau orang yang tersayang daripada perkara yang tidak diingini di samping meningkatkan simpanan untuk memenuhi matlamat kewangan anda.



Tiada Pengunderaitan Perubatan

Dapatkan perlindungan ini tanpa perlu melalui kerumitan proses pengunderaitan perubatan.



Tempoh Perlindungan dan Caruman yang Fleksibel

Kelonggaran untuk memilih tempoh perlindungan di antara 10, 15, 20, 25 atau 30 tahun dan tempoh pembayaran caruman 3, 5, 10 atau 20 tahun.



Manfaat Rangsangan Pelaburan

Semasa kelangsungan hidup Orang Yang Dilindungi, peratusan jumlah Caruman Asas Tahunan akan dibayar daripada Akaun Individu Peserta ke dalam Akaun Unit Peserta untuk pembelian unit mengikut peruntukan dana dipilih berdasarkan kadar peruntukan 100% - berdasarkan jadual di bawah, bermula dari akhir tahun pertama Sijil, setiap tahun sehingga penamatan atau tempoh matang Sijil, mana yang berlaku terlebih dahulu.

Tahun Sijil	Tempoh Pembayaran & Perlindungan				
	3 Bayar 10	5 Bayar 15	10 Bayar 20	10 Bayar 25	20 Bayar 30
Tahun 1-5	5%	5%	5%	5%	5%
Tahun 6-10	10%	10%	10%	10%	10%
Tahun 11-25	-	20%	20%	20%	20%
Tahun 26-30	-	-	-	-	30%

Manfaat ini hanya akan dibayar jika Caruman terkini di bawah sijil dijelaskan.

Jika nilai dalam Akaun Individu Peserta tidak cukup untuk membayar Manfaat Rangsangan pelaburan di bawah sijil, kekurangan akan dibayar dari Dana Tabarru' 2.

Manfaat Rangsangan Pelaburan terlepas tidak akan dibayar walaupun Caruman terkini di bawah sijil dijelaskan kemudian. Manfaat Rangsangan Pelaburan berikutan akan dibayar jika Caruman terkini di bawah sijil dijelaskan.



Bonus Penambah Awal

Pada akhir Tahun Sijil pertama (1) dan kedua (ke-2), 5% daripada Caruman Asas Tahunan boleh dibayar daripada dana Pengendali Takaful sebagai Hibah ke dalam PIA.

Manfaat ini dibayar jika semua Caruman di bawah Sijil telah dibayar tepat pada masanya (dalam Tempoh Tenggang) dan terkini.



Manfaat Rangsangan Matang

Setelah mencapai tempoh matang, peratusan dari jumlah Caruman Asas Tahunan boleh dibayar daripada Dana Pengendali Takaful sebagai Hibah. Manfaat ini dibayar jika Caruman terkini di bawah sijil dijelaskan, di mana semua Caruman belum dijelaskan (jika ada) perlu dibayar dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas tempoh pembayaran caruman terakhir.

Tempoh Perlindungan	Tempoh Pembayaran Caruman	% Caruman Tahunan Asas
10 Tahun	3 Bayar	80%
15 Tahun	5 Bayar	95%
20 Tahun	10 Bayar	300%
25 Tahun	10 Bayar	330%
30 Tahun	20 Bayar	400%



Manfaat Matang

Apabila pelan anda telah mencapai tempoh matang, anda boleh menerima jumlah berikut:

- Rangsangan Matang;
- Nilai Tunai dalam Akaun Individu Peserta (jika ada);
- Jumlah Nilai Akaun dalam Akaun Unit Peserta (jika ada);



Rider-rider

Sesuaikan pelan Takaful anda dengan perlindungan yang komprehensif melalui 3 rider pilihan ini:

i-Saver Rider

95% daripada caruman yang telah dibayar akan diperuntukkan kepada Akaun Unit Peserta bertujuan sepenuhnya untuk tujuan simpanan dan pelaburan.

i-Provider Critical Illness Term Rider

Menyediakan caruman masa depan sekiranya Orang yang Dilindungi didiagnosis dengan salah satu penyakit kritikal kecuali angioplasti dan rawatan invasif untuk penyakit arteri koronari.

i-Contributor Protection Plus Term Rider

Menyediakan caruman masa depan sekiranya Pencarum meninggal dunia, Kehilangan Upaya Penuh & Kekal atau didiagnosis dengan salah satu penyakit kritikal kecuali angioplasti dan rawatan invasif untuk penyakit arteri koronari.

Nota: Rider-rider pilihan yang dinyatakan di atas adalah rider dengan pembayaran caruman. Untuk senarai penyakit kritikal yang dilindungi, rujuk kepada Risalah Pemberitahuan Produk.



Manfaat Hilang Upaya Penuh & Kekal dan Kematian

Sekiranya Hilang Upaya Penuh & Kekal (HUPK) berlaku sebelum tempoh ulang tahun Sijil sebelum mencapai umur 70 tahun, atau kematian sebelum tempoh matang Sijil, berikut akan dibayar:

Tahun Sijil	Akibat Kemalangan	Bukan Akibat Kemalangan
1 & 2	Yang lebih tinggi : i. Jumlah Perlindungan Semasa*; or ii. Nilai Tunai dalam Akaun Individu Peserta Tambah Jumlah Nilai Akaun dalam Akaun Unit Peserta (termasuk i-Saver Rider, jika ada)	Bayaran balik Caruman dibayar untuk dipulangkan kepada peserta: i. Caj Pendahuluan (termasuk komisen dan bonus pengantara); ii. Caj Tabarru', ditolak sebarang Lebihan Pengunderaitan yang diagihkan, jika ada; iii. Nilai Tunai dalam Akaun Individu Peserta tolak Bonus Penambah Awal, jika ada; dan iv. Jumlah Nilai Akaun dalam Akaun Unit Peserta (termasuk i-Saver Rider, jika ada)
≥3	Yang lebih tinggi : i. Jumlah Perlindungan Semasa*; or ii. Nilai Tunai dalam Akaun Individu Peserta Tambah Jumlah Nilai Akaun dalam Akaun Unit Peserta (termasuk i-Saver Rider, jika ada)	

*Jumlah Perlindungan Semasa adalah 105% Jumlah Caruman Asas dibayar, tolak Manfaat Rangsangan Pelaburan yang dikreditkan.



Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Tambahan

Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan kepada Orang yang Dilindungi, jumlah peratusan tambahan daripada Jumlah Pembayaran akan dibayar daripada Dana Tabarru' 1, ke atas Manfaat Kematian, seperti yang berikut:

Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Tambahan (% Jumlah Bayaran Manfaat)
Kematian akibat kemalangan di Malaysia	100%
Kematian Akibat Kemalangan (Pengangkutan Awam) di Malaysia: i. ketika mengembara sebagai seorang penumpang pengangkutan awam; atau ii. ketika berada di dalam lif penumpang atau lif elektrik (tidak termasuk lif penumpang atau lif elektrik di kawasan perlombongan atau di dalam bangunan yang sedang dalam pembinaan); atau iii. akibat kebakaran mana-mana hotel atau bangunan awam (kecuali teater atau pawagam) di mana Orang Yang Dilindungi berada ketika kebakaran bermula.	300%
Kematian akibat kemalangan di luar Malaysia	300%



Wakaf & Hibah

Khidmat Wakaf

Sekiranya anda meninggal dunia, jumlah daripada Manfaat Kematian yang telah dipersetujui oleh anda akan disalurkan kepada badan wakaf yang dilantik oleh Kami untuk perkhidmatan ini. Khidmat ini adalah pilihan tambahan dan anda harus mengisi Borang Perkhidmatan Wakaf.

Hibah (Hadiah) untuk yang Tersayang atau untuk Amal

Buat persediaan untuk waris dan/atau organisasi amal yang anda pilih apabila anda mencarum ke i-Great Majestik. Isikan borang penama untuk waris/benefisiari anda dan borang serah hak untuk badan kebajikan yang anda pilih. Buat persediaan serentak untuk KEDUA-DUANYA, hanya dengan Kami.

Tertakluk kepada terma dan syarat.

1. Akaun Individu Peserta merujuk kepada akaun individu yang mana caruman dan lebihan pengunderaitan (jika ada) dan/atau keuntungan pelaburan (jika ada) yang terhasil akan diperuntukkan.
2. Akaun Unit Peserta adalah akaun bagi unit yang diperuntukkan, bergantung kepada jumlah Rangsangan Pelaburan dan caruman bagi i-Saver Rider (jika ada) yang dibayar.
3. Manfaat Takaful dibayar daripada Dana Tabarru' 1. Dana Tabarru' 1 merujuk kepada kumpulan dana yang diwujudkan bagi tujuan perpaduan dan kerjasama antara Peserta yang digunakan untuk membantu semua Peserta seandainya berlaku perkara yang tidak diingini.
4. Manfaat Rangsangan Pelaburan akan dibayar dari Akaun Individu Peserta ke dalam Akaun Unit Peserta. Jika nilai dalam Akaun Individu Peserta tidak cukup untuk membayar Manfaat Rangsangan Pelaburan di bawah sijil, kekurangan akan dibayar dari Dana Tabarru' 2. Dana Tabarru' 2 merujuk kepada kumpulan dana yang disediakan demi kesejahteraan dan jalinan kerjasama di antara para peserta yang digunakan untuk menyediakan manfaat kelangsungan hidup seperti manfaat Rangsangan Pelaburan.
5. Manfaat Bonus Penambah Awal dan Manfaat Rangsangan Matang akan dibayar dari Dana Pengendali Takaful sebagai Hibah.
6. Hibah adalah pemindahan pemilikan aset daripada penderma (wahib) kepada penerima (mawhub lahu) tanpa sebarang balasan.

Pilihan Dana

Pilih daripada pelbagai dana yang diuruskan secara professional dan tentukan kombinasi yang paling sesuai untuk anda

Dana i-Makmur

Dana yang dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap Islam, contohnya sukuk kerajaan dan korporat (berkadar dari 40% hingga 100%) serta deposit Islam. Dana ini bertujuan untuk memberi pulangan yang konsisten dengan tahap mudah ubah yang rendah. Walaupun dana dilaburkan terutamanya di Malaysia, sebahagiannya boleh dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap luar Negara yang diluluskan Syariah (sehingga 50%) untuk memperbaiki pulangan dana. Dana i-Makmur hanya dilaburkan dalam sekuriti yang berlandaskan Syariah.

Dana i-Mekar


Dana yang mana pelaburan adalah dalam ekuiti yang berlandaskan Syariah (dari 80% hingga 100%) yang mudah ubah dalam jangka pendek, dan juga deposit Islam. Dana ini berupaya mencapai peningkatan modal jangka pertengahan hingga jangka panjang. Walaupun dana dilaburkan terutamanya di Malaysia, sebahagiannya boleh dilaburkan di Singapura (sehingga 25%) dan Kawasan Besar China (Tanah Besar China, Hong Kong, Macau dan Taiwan) (sehingga 25%), sekiranya dan apabila diperlukan, untuk memperbaiki pulangan dana. Dana i-Mekar hanya dilaburkan dalam sekuriti yang berlandaskan Syariah.

Dana i-Majmuk

Dana yang dilaburkan dalam campuran ekuiti yang berlandaskan Syariah, sekuriti pendapatan tetap Islam dan deposit Islam. Terdapat fleksibiliti dalam peruntukan aset memandangkan dana ini boleh dilaburkan hanya dalam sekuriti pendapatan tetap Islam atau ekuiti yang berlandaskan Syariah. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, dengan tahap mudah ubah sederhana. Dana i-Majmuk hanya dilaburkan dalam sekuriti yang berlandaskan Syariah.

Dana i-Ekuiti Global

Dana yang dilaburkan dalam portfolio antarabangsa ekuiti yang berlandaskan Syariah dan ekuiti yang berkait dengan sekuriti syarikat yang mempunyai potensi perkembangan yang baik yang berlandaskan Syariah. Dana ini akan dilaburkan sebanyak sembilan puluh peratus (90%) hingga seratus peratus (100%) daripada Nilai Aset Bersih (NAV) ke dalam ekuiti berlandaskan Syariah dan ekuiti yang berkait dengan sekuriti yang berlandaskan Syariah. Baki daripada NAV bagi dana ini akan dilaburkan ke dalam aset cair yang islamik dan/atau akan disimpan sebagai tunai. Dana i-Ekuiti Global hanya dilaburkan dalam sekuriti yang berlandaskan Syariah.



Anda boleh mengubah pilihan dana anda tanpa sebarang had dan caj. Anda mempunyai pilihan untuk menukar dana anda bergantung kepada pandangan anda terhadap pasaran semasa. Semua dana dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.

Dapatkan Ganjaran

Nikmati lebih pengunderaitan dan keuntungan pelaburan


Dengan **i-Great Majestik**, sebarang lebih pengunderaitan daripada Dana Tabarru' 1 (jika ada) dan lebih daripada Dana Tabarru' 2 (jika ada), setelah melakukan penyalarsan yang sesuai untuk tujuan kecemasan, akan dikongsi antara semua Peserta dan kami dengan nisbah 50:50. Bahagian anda daripada lebih tersebut akan dikreditkan ke dalam Akaun Individu Peserta anda.

Semua keuntungan pelaburan (jika ada) daripada Dana Tabarru' 1 dan Dana Tabarru' 2 akan dikongsi di antara Peserta dan kami dengan nisbah 50:50. Sebarang keuntungan daripada Akaun Individu Peserta akan dikreditkan semula ke dalam Akaun Individu anda.

Sebarang kerugian daripada Dana Tabarru' akan dibawa ke hadapan dan akan diambilkira sebelum dimasukkan ke dalam pengiraan lebih pengunderaitan atau defisit pada tahun seterusnya dan kerugian daripada Akaun Individu Peserta akan ditunjukkan di dalam akaun.

Semua keuntungan atau kerugian pelaburan (jika ada) daripada Akaun Unit Peserta akan ditunjukkan dalam harga unit harian.


Nota: Lebih pengunderaitan, lebih, dan keuntungan pelaburan akan dikira secara tahunan.



Nikmati Pelepasan Cukai

Anda layak menerima pelepasan cukai perseorangan apabila anda menyertai Pelan **i-Great Majestik**. Bagi individu selain daripada kategori penjawat awam berpencen, pelepasan cukai untuk Takaful Keluarga adalah terhad kepada RM3,000 manakala individu dalam kategori penjawat awam berpencen layak mendapat pelepasan cukai terhad sebanyak RM7,000.

Nota: Pelepasan Cukai tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan Malaysia 1967 dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.



Soalan Lazim

Q Berapakah umur penyertaan minimum dan maksimum?

A Umur penyertaan minimum dan maksimum adalah seperti berikut:

Tempoh Perlindungan	Tempoh Bayaran Caruman	Umur Penyertaan Minimum	Umur Penyertaan Maksimum	Umur luput maksimum
10 Tahun	3 Bayar	14 hari umur dicapai	65 Tahun	75 Tahun
15 Tahun	5 Bayar		60 Tahun	
20 Tahun	10 Bayar		55 Tahun	
25 Tahun			50 Tahun	
30 Tahun	20 Bayar		45 Tahun	

Nota: Umur yang diguna pakai adalah umur hari lahir yang berikutnya.

Berapakah caruman yang perlu saya bayar?

Q Sila rujuk Risalah Pemberitahuan Produk untuk mengetahui anggaran amaun caruman. Amaun caruman minimum untuk setiap tempoh pembayaran adalah seperti berikut:

A

Tempoh Bayaran Caruman	Caruman Minimum Tahunan
3 Bayar	RM12,000
5 Bayar	RM9,000
10 Bayar	RM4,800
20 Bayar	RM3,000

Bagaimanakah saya boleh membuat caruman?

A Anda boleh membuat caruman melalui GIRO/Autodebit, Kebenaran Debit Terus, Arahan Bank atau kad kredit secara tahunan, separuh tahunan, suku tahunan atau bulanan. Cek dan tunai hanya dibenarkan bagi caruman tahunan, separuh tahunan atau suku tahunan sahaja.

Bolehkah saya mengubah jumlah Caruman Asas pelan ini?

A Penambahan Jumlah Caruman Asas tidak dibenarkan. Anda boleh mengurangkan Jumlah Caruman Asas tertakluk kepada caruman minimum yang dibenarkan. Jumlah Caruman Asas yang baharu akan berkuat kuasa dari tempoh pembayaran caruman seterusnya. Apabila amaun Caruman Asas berkurangan, nilai tunai PIA (jika ada) bagi Caruman Asas yang dikurangkan akan dibayar. Pengiraan manfaat berdasarkan Jumlah Caruman Asas yang dikurangkan dan sebarang hutang akan ditolak dari nilai yang perlu dibayar.

Q

Apakah yuran dan caj yang dikenakan?

A

Caj Pendahuluan

Caj Pendahuluan adalah jumlah yang ditolak terdahulu daripada Akaun Individu Peserta (sebagai peratus Caruman) yang terdiri daripada:

- kos pengedaran langsung termasuk komisen pengantara, dan
- perbelanjaan pengurusan bagi menguruskan sijil anda, termasuk duti setem sebanyak RM10.

Tahun Sijil	Tempoh Bayaran			
	3	5	10	20
1	50%	50%	70%	80%
2	45%	45%	60%	80%
3	33.5%	40%	50%	80%
4		30%	45%	75%
5		15%	40%	50%
6			30%	30%
7			25%	20%
8			20%	20%
9			20%	15%
10			20%	15%
11-20				5%

Tabarru'

Caj Tabarru' akan ditolak dari Akaun Individu Peserta ke dalam Dana Tabarru' 1 dan 2 pada setiap awal bulan Sijil dan ia berbeza mengikut umur hari lahir berikutnya dan jantina Orang Yang Dilindungi dan Jumlah Atas Risiko*.

Caj Pengurusan Dana

Caj Pengurusan Dana akan ditolak daripada Akaun Unit Peserta pada setiap penilaian aset sebelum menentukan Nilai Aset Bersih. Harga unit akan menentukan potongan.

Kod Dana	Nama Dana	Caj Pengurusan Dana (K%)
01	Dana i-Makmur	0.50
02	Dana i-Mekar	1.45
03	Dana i-Majmuk	1.25
04	Dana i-Ekuiti Global	1.50

Caj Serahan

Caj Serahan dikenakan kepada Nilai Tunai di dalam PIA selepas penyerahan penuh Sijil asas atau selepas pengurangan Caruman Tahunan Asas.

Tahun Sijil	Caj Serahan (% Nilai Serahan dari Nilai Akaun (PIA))
1	13%
2	12%
3	10%
4	8%
5	7%
≥6	0%

Yuran Cuti Caruman

Yuran Cuti Caruman dikenakan pada ulang tahun Sijil, sehingga ulang tahun Sijil yang kelima, jika bayaran Caruman tidak terkini dan tidak dalam Tempoh Tenggang.

2% daripada Caruman Asas Tahunan akan dikenakan dan ditolak daripada PIA dan/atau PUA anda untuk mendapatkan kembali perbelanjaan Kami.

Tidak membayar caruman dalam jangka masa yang lama akan mengurangkan Akaun Individu Peserta anda dan mungkin akan mengakibatkan sijil anda ditamatkan jika nilai akaun dalam Akaun Individu Peserta dan Akaun Unit Peserta tidak mencukupi untuk membayar caj-caj yang perlu dibayar.

Nota: Yuran dan caj di atas adalah tertakluk kepada semakan semula pada ulang tahun Sijil oleh kami dengan memberikan anda notis bertulis sekurang-kurangnya 3 bulan. Untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj, sila rujuk kepada Risalah Pemberitahuan Produk, Ilustrasi Manfaat dan Sijil yang dikeluarkan oleh kami.

*Jumlah Atas Risiko pada tempoh pembayaran bulanan Tabarru' adalah lebih daripada Jumlah Perlindungan Semasa dibahagikan Nilai Tunai dalam Akaun Individu Peserta pada awal bulan Sijil, tertakluk kepada minimum sifar.

Q**Apakah pengecualian yang terdapat di dalam Sijil ini?****A****Pengecualian bagi Manfaat Kematian:**

Sekiranya Orang Yang Dilindungi, sama ada ketika waras atau tidak waras membunuh diri dalam tempoh setahun (1 tahun) dari Tarikh Berkuat Kuasa atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana-mana yang kemudian, Sijil ini akan dibatalkan. Dalam keadaan seperti itu, tanggungjawab Pengendali Takaful terhad kepada pembayaran balik perkara berikut:

- i. Nilai Tunai dalam Akaun Individu Peserta (jika ada) (tidak termasuk Lebihan Pengunderaitan jika ada);
- ii. Jumlah Nilai Akaun dalam Akaun Unit Peserta (jika ada); dan
- iii. Jumlah yang ditolak dari Dana Tabarru' 1 dan Dana Tabarru' 2.

Pengecualian untuk Manfaat Hilang Upaya Penuh & Kekal:

Tiada manfaat akan dibayar bagi Hilang Upaya Penuh & Kekal untuk sebarang kecederaan yang membawa kerugian yang diakibatkan oleh, termasuk mana-mana yang berikut sama ada secara langsung atau tidak langsung:

- i. sedia ada sebelum atau pada Tarikh Berkuat Kuasa atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana-mana yang kemudian; atau
- ii. disebabkan kecederaan badan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras; atau
- iii. disebabkan kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun atau terjun udara atau penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa; atau
- iv. akibat Orang Yang Dilindungi melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi; atau
- v. akibat peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.

Pengecualian untuk Manfaat Kematian akibat Kemalangan dan Manfaat Kematian akibat Kemalangan Tambahan:

Tiada manfaat akan dibayar jika berlaku kejadian berikut:

- i. bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan badan yang dilakukan sendiri, ketika waras atau tidak waras;
- ii. penyakit badan atau gangguan mental atau fungsian atau sebarang jenis sakit atau penyakit, atau sebarang jangkitan, selain daripada jangkitan yang berlaku serentak dengan dan akibatnya belahan atau luka kemalangan;
- iii. peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan; atau
- iv. daripada tindakan sebarang angkatan bersenjata, atau daripada kemalangan atau keganasan yang berlaku kerana kewujudan keadaan konflik bersenjata.
- v. di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan oleh pakar perubatan. Bagi mengelakkan keraguan, seseorang itu dianggap di bawah pengaruh alkohol jika keputusan ujian pernafasan, darah atau air kencing melebihi had yang ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Nota: Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Maklumat penuh dinyatakan dalam Sijil yang dikeluarkan oleh kami.

Notis Penting

1. **i-Great Majestik** merupakan pelan Takaful Keluarga Bertempoh dengan gabungan Perlindungan Takaful (Komponen Takaful Tradisional) dan Simpanan Pilihan dan Rangsangan Pelaburan diagihkan yang memberi perlindungan kepada Kematian atau Hilang Upaya Penuh & Kekal terhadap Orang Yang Dilindungi. **Komponen Takaful Berkaitan Pelaburan, pelan ini adalah berlandaskan prestasi yang mendasari aset, dan bukan suatu produk pelaburan semata-mata seperti unit amanah.**
2. Umur merujuk kepada umur hari lahir berikutnya. Caruman perlu dibayar mengikut tempoh pembayaran caruman – bayaran terhad atau bayaran penuh, atau sehingga kematian atau Hilang Upaya Penuh & Kekal terhadap Orang Yang Dilindungi, atau penamatan Sijil, yang mana terdahulu.
3. Anda boleh berhenti membayar caruman dan masih menikmati perlindungan selagi terdapat jumlah yang mencukupi di dalam Akaun Individu Peserta untuk membayar Tabarru' dan Yuran Cuti Caruman, yang mana berkenaan. Walau bagaimanapun, terdapat kemungkinan sijil luput sekiranya caj yang dikenakan, termasuk Tabarru' dan Yuran Cuti Caruman, telah melebihi nilai yang terdapat dalam Akaun Individu Peserta dan Akaun Unit Peserta.
4. Anda seharusnya yakin bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan caruman yang dibayar di bawah Sijil ini adalah jumlah yang anda mampu bayar.
5. “Tempoh Rujukan Percuma” selama 15 hari daripada tarikh anda menerima Sijil diberikan kepada anda untuk meneliti kesesuaian pelan. Jika Sijil ini dikembalikan kepada kami dalam tempoh ini, kami akan mengembalikan suatu amaun yang bersamaan dengan jumlah caruman yang dibayar bersamaan:
 - i. Jumlah Caruman Takaful (jika ada), dan
 - ii. Jumlah nilai di dalam Akaun Unit Peserta (jika ada) Sijil ini, dan
 - iii. Sebarang Caj Pendahuluan yang ditolak daripada Akaun Unit Peserta Sijil ini, (jika ada).
6. Anda boleh menerima Nilai Tunai dalam Akaun Individu Peserta (jika ada) dan Jumlah Nilai dalam Akaun Unit Peserta (jika ada) setelah pelan ditamatkan atau mencapai tempoh matang, yang mungkin lebih rendah daripada jumlah caruman yang diperuntukkan ke dalam Akaun Individu Peserta dan Akaun Unit Peserta. Anda juga mungkin menerima Manfaat Bonus Penambah Awal dan Manfaat Rangsangan Matang (jika ada). Tiada manfaat akan dibayar daripada Dana Tabarru' 1 setelah pelan ditamatkan atau matang.
7. Akaun Individu Peserta dan Akaun Unit Peserta akan berdasarkan prestasi sebenar dana tersebut dan tidak dijamin. Risiko pelaburan di bawah pelan ini ditanggung sepenuhnya oleh anda dan kedua-dua Akaun Individu Peserta dan Akaun Unit Peserta mungkin akan kurang daripada jumlah keseluruhan caruman yang disumbangkan ke dalam dana tersebut. Nilai Sijil mungkin berkurangan bergantung kepada prestasi dana. Sijil mungkin luput sekiranya caj-caj yang diperlukan (termasuk Tabarru' dan Yuran Cuti Caruman) melebihi jumlah nilai yang ada dalam Akaun Individu Peserta. Kelangsungan pelan ini bergantung kepada prestasi aset dasar.
8. Menyertai sebuah pelan Takaful Keluarga adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Jika anda tidak membayar caruman anda semasa Tempoh Tenggang 30 hari, anda mungkin perlu membayar Yuran Cuti Caruman dan Sijil anda boleh luput. Jumlah nilai akaun yang anda mungkin perolehi sekiranya anda menamatkan Sijil sebelum tempoh matang jauh lebih rendah daripada jumlah caruman yang telah anda bayar.
9. Jika Sijil anda beralih daripada satu Pengendali Takaful kepada yang lain atau anda mengganti Sijil semasa anda dengan Sijil lain dengan Pengendali Takaful yang sama, anda mungkin perlu menghantar permohonan di mana penerimaan cadangan anda adalah tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan pada masa penukaran atau penggantian Sijil.

Risalah ini adalah untuk maklumat am sahaja dan bukanlah satu kontrak Takaful Keluarga. Anda dinasihatkan untuk merujuk Ilustrasi Manfaat, Risalah Pemberitahuan Produk dan contoh Sijil bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum menyertai pelan ini. Untuk maklumat lanjut mengenai dana berkaitan pelaburan, sila rujuk Lembaran Fakta Dana.

Jika terdapat percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

i-Great Majestik merupakan produk yang patuh Syariah.


Protect Life's Finest Moments

In this life, you have plenty to cherish and goals to achieve.
With **i-Great Majestik**, protect yourself and loved ones and receive great potential returns.

01

Prepare for your early retirement

Imran,
30 years old male, with monthly salary of RM12,000 a month



20 years contribution payment term for 30 years coverage term



To boost his retirement's saving

20 Pay 30 Years (20P30)

Monthly Basic Contribution	RM250
Monthly i-Saver Contribution	RM250
Total Monthly Contribution	RM500

Note:

- TBCP = Total Basic Contribution Paid, IB = Investment Booster, EEB = Early Enhancer Bonus.
- PIA = Participant's Individual Account, PUA = Participant's Unit Account, TAV = Total Account Value.

Early Enhancer Bonus (EEB) up to **5%** of Annualised Basic Contribution for first two years and **Investment Booster (IB)** up to **30%** of the Annualised Basic Contribution will be payable from Participant's Individual Account (PIA) into the Participant's Unit Account (PUA) every year until maturity (provided Contribution is paid on time and up to date).

Total IB = RM15,750


Upon Maturity of Imran's Certificate at 60 years age next birthday, additional **400%** of the Annualised Basic Contribution may be payable as **Maturity Booster** on top of Imran's Maturity Benefit, if Contribution under the Certificate is paid on time and up to date.

In the event of his **Total & Permanent Disability (TPD)** or **Death**, the amount payable would be as follows
(Assuming TPD/Death is due to Illness after 3rd Certificate year onwards):


Takaful Benefit

Higher of:
• 105% TBCP - IB, OR
• Total PIA

PLUS:
• TAV in PUA (including IB and i-Saver Rider), if any



TPD/Death



Imran's Aspirations
